



TEKS UCAPAN

**Y.B. SENATOR DATO' IR. DONALD LIM SIANG CHAI
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I**

**SEMPENA MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

PADA 6 JULAI 2010

Terima kasih saudara-saudari pengacara majlis,

Y. Bhg Dato' Mohd Salleh Mahmud,

Akauntan Negara Malaysia,

Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Akauntan Negara,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Akauntan Negara,

**Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang
diraikan serta**

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Salam sejahtera dan Salam 1-Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud, Akauntan Negara Malaysia kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun perkhidmatan 2009 Peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Ini adalah merupakan kali pertama saya berpeluang menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atau lebih dikenali sebagai Majlis APC bersama-sama warga JANM.
2. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Penganugerahan ini merupakan penghargaan, pengiktirafan

dan ucapan terima kasih Kerajaan, khususnya dari pihak pengurusan JANM terhadap prestasi kerja yang cemerlang dan sumbangan yang telah diberikan oleh saudara-saudari, yang boleh dicontohi oleh orang lain. Saya percaya mereka adalah merupakan sebahagian dari kelompok besar yang cemerlang dalam JANM.

3. Saya juga percaya segala pencapaian perkhidmatan Jabatan merupakan sinergi atau penggemblerangan di antara semua lapisan pegawai yang menunjukkan prestasi baik dan profesional. Secara tidak langsung kecemerlangan Kementerian bergantung pada prestasi dan kepimpinan Jabatan atau Bahagian di bawah Kementerian, apatah lagi JANM merupakan di antara salah satu organisasi yang penting di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.
4. Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud serta seluruh warga JANM kerana JANM telah berjaya sekali lagi menyerahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2009 kepada Ketua Audit Negara pada 8 Mac 2010 iaitu 4 bulan 23 hari lebih awal dari tarikh yang ditetapkan oleh statut. JANM juga telah memperoleh Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2009. Kejayaan yang telah dicapai oleh JANM ini mempunyai hubung kait yang rapat dengan kebolehan dan kecemerlangan serta komitmen tinggi warga JANM.

Y.Bhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

5. Kerajaan berkehendakkan para penjawat awam sentiasa berfikir di luar lingkungan. Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif di luar kelaziman. Hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju menjelang 2020 akan tercapai sekiranya kerajaan dan rakyat seiring berusaha bersungguh-sungguh dengan penuh semangat dan kerjasama erat.
6. Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah menegaskan komitmen bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi serta berpaksikan keutamaan kepada rakyat. Sehubungan itu, Y.A.B Perdana Menteri telah menggariskan empat paksi pentadbiran ke arah untuk mencapai Wawasan 2020 iaitu:
 - i. Pertama - gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan sebagai paksi teras;
 - ii. Kedua - Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diukur melalui kaedah yang jelas serta sistematik iaitu NKRA dan NKPI;
 - iii. Ketiga - Model Ekonomi Baru yang merupakan "Road Map" komprehensif ke arah transformasi ekonomi Malaysia secara yang 'total' dan

- iv. Keempat - Rancangan Malaysia ke-10 sebagai blok binaan pertama ke arah model ekonomi baru.
- 7. Negara hanya akan dapat mencapai wawasan ini jika terdapat kerjasama yang erat dan komitmen daripada semua pihak iaitu dari pihak awam dan swasta. Untuk ini menjadi kenyataan, kesemua empat paksi perlu dipandu dan digerakkan semangat kreativiti serta inovasi bagi mencipta nilai tambah yang lebih tinggi dan budaya pelaksanaan yang efisien dan efektif ke arah mencapai status Negara berpendapatan tinggi.
- 8. Saya juga telah dimaklumkan bahawa JANM telah menyediakan KPI yang telah dilaksanakan mulai tahun 2007. Saya berharap hasil pengukuran akan membolehkan Bahagian-Bahagian JANM mengenal pasti tahap prestasi, kekuatan dan kelemahan masing-masing dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan serta memantau pengurusan prestasi secara berterusan.
- 9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Semoga usaha-usaha yang dilaksanakan dapat memastikan perkhidmatan awam terus bergerak pantas dan berfungsi dengan berkesan bagi membolehkan rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik, sekali gus memastikan sumbangan Perkhidmatan Awam terus relevan dan diperlukan dalam memacu pembangunan negara.

10. Dengan ini, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009 Peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sekian, terima kasih.